

BN akan wujud peraturan

Oleh YUSRI SAHAT
dan ZULKIFLI JALIL

UM 26 NOV 2002

KUALA LUMPUR 25 Nov. — Barisan Nasional (BN) akan mewujudkan peraturan baru bagi menghalang anggotanya melompat dari satu parti ke parti komponen lain yang dianggap boleh memecahbelahkan parti dan menjatuhkan kerajaan.

Sekiranya dipersetujui, peraturan itu tidak lagi memberi kebebasan kepada parti komponen menerima kemasukan ahli atau wakil rakyat sesama BN sebaliknya perlu merujuk kepada Dewan Tertinggi untuk pertimbangan.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, tindakan untuk mewujudkan peraturan itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN Januari ini.

Katanya, tindakan melompat parti yang kebanyakannya berlaku di Pulau Pinang dan Sabah boleh melemahkan BN untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

“Satu elemen yang merosakkan parti dan menimbulkan ketegangan antara komponen ialah masalah lompat melompat. Ini tidak boleh dibiarkan lagi. Tindakan ini patut dihentikan.

“Kalau ada wakil rakyat yang tidak suka duduk dalam satu-parti, dia kena buat pilihan sama ada mahu kekal dalam BN atau keluar dan tidak patut masuk dalam parti komponen lain,” tegasnya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui, di sini hari ini.

Beliau mengulas langkah yang akan diambil oleh BN berikutan tindakan dua Ahli Dewan Undangan Negeri MCA di Pulau Pinang, Lim Boo Chang (Batu Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi) yang enggan mengundi dalam usul pembangkang yang meminta kerajaan negeri menanggungkan Projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang dalam persidangan Dewan Undangan Negeri itu.

Ekoran tindakan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Timbalan Pengerusi BN menegaskan, kedua-dua wakil rakyat terbabit mungkin dipecat keluar parti kerana melanggar disiplin.

baru halang ahli lompat parti

Bagaimanapun, kata beliau, kes tersebut perlu dirujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terlebih dahulu.

Boo Chang sebelum ini pernah mencetuskan polemik apabila bertindak keluar dari Parti Gerakan dua hari selepas memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat pada pilihan raya umum 1999.

Tindakan melompat parti itu turut dilakukan oleh seorang lagi wakil rakyat Gerakan iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas, Lim Chien Aun pada 2 Disember 1999 apabila beliau menyertai MCA.

Keputusan Boo Chang dan Chien Aun itu dibuat dengan alasan kononnya pucuk pimpinan Gerakan negeri pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon terlalu lemah dan tidak berkualiti.

Mohamed seterusnya menyelar sikap wakil rakyat yang melompat dari satu parti ke parti lain apabila tidak suka pemimpin parti asalnya.

“Kita tidak akan memberi kebebasan kepada anggota kita untuk melompat parti. Seharusnya penerimaan wakil rakyat dari satu komponen ke komponen lain akan ditentukan oleh Dewan Tertinggi,” jelasnya.

Mengimbas isu melompat parti yang dilakukan oleh Boo Chang dan Chien Aun pada tahun 1999, tegas beliau, MCA tidak sewajarnya mengambil kedua-dua wakil rakyat dari Gerakan itu.

Selain itu, Mohamed memberitahu, Dewan Tertinggi BN juga akan berbincang untuk membentuk satu Jawatankuasa Disiplin bagi menjaga perilaku wakil rakyat dan anggota parti komponen.

Beliau menegaskan, jawatankuasa itu perlu bagi membincangkan tindakan anggota yang boleh merosakkan imej BN.

“Misalnya kes di Pulau Pinang ini, sepatutnya boleh dibawa ke Jawatankuasa Disiplin,” katanya.

Keahlian jawatankuasa itu, jelasnya, mungkin dianggotai dari kalangan wakil-wakil rakyat.